

Media: Sinar Harian

Date: 07 Nov 2021

## Cucur, kuih-muih jadi lebih rangup



**UNTUK** mendapatkan tekstur rangup semasa menggoreng pisang, Tepung Goreng Pisang Seri-Aji keluaran Ajinomoto (Malaysia) Berhad merupakan pilihan terbaik untuk seisi rumah.

Ajinomoto dalam satu kenyataan berkata, bagi menambah keenakan pada gorengan, tepung berkenaan telah ditambah dengan sedikit aroma vanila manis.

Bukan sahaja pisang, malah produk baharu itu juga boleh digunakan untuk menyedapkan nangka goreng, ubi kayu atau ubi jalar.

Pada masa sama, Ajinomoto turut memperkenalkan Tepung Goreng Cucur Seri-Aji yang menjadi pelengkap untuk pelbagai snek.

“Gabungan tepung dengan ramuan rencah dan rempah-ratus akan membuatkan setiap cucur yang dimakan lebih garing dan lembut pada bahagian dalam. Untuk menambah kesedapan, udang dan sayur-sayuran boleh ditambah pada kuih berkenaan,” kata Ajinomoto.

Ujar jenama itu lagi, pengenalan produk-produk tersebut adalah sebagai salah satu inisiatif membolehkan orang ramai memudahkan aktiviti memasak walaupun dalam keadaan sibuk.

Tepung Goreng Pisang Seri-Aji dan Tepung Goreng Cucur Seri-Aji boleh didapati di kedai runcit, pasar raya dan platform e-dagang seperti Shopee dan Lazada. -**ARZIANA MOHMAD AZAMAN**